

SULIT

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN (PADANG SERAI)

TARIKH : 16 MEI 2016

RUJUKAN : 8950

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada ke semua pertuduhan-pertuduhan menurut Akta Hasutan 1948 di bawah kategori kecenderungan menghasut yang telah pun dibatalkan di bawah Akta Hasutan (Pindaan) 2015, akan digugurkan.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan berhubung Akta Hasutan 1948. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah bertindak tepat apabila menyatakan pendirian yang jelas untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat penambahbaikan tertentu. Ini kerana Akta Hasutan 1948 ini telah sekian lama digunakan semenjak ia dikuatkuasakan dan terbukti keberkesanannya sebagai alat yang paling berkesan untuk menghadapi isu-isu berbaur hasutan dalam memastikan keamanan yang dikehendaki selama ini terus terpelihara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Hasutan 2015 tersebut telah pun dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada 9 April 2015 manakala di Dewan Negara pula pada 28 April 2015. Pindaan tersebut telah pun diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 28 Mei 2015 dan diwartakan pada 4 Jun 2015. Bagaimanapun tarikh kuat kuasa bagi pindaan Akta ini masih belum ditetapkan lagi.

SULIT

Berhubung pertuduhan-pertuduhan sebelum Akta ini dipinda pula, undang-undang ini bukanlah bersifat retrospektif. Oleh yang demikian, mana-mana tangkapan dan pendakwaan yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa akan didakwa di bawah peruntukan yang sedia ada yang lain sebagaimana sebelum pindaan dibuat.

Kerajaan menzahirkan ucapan syabas dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan terdahulu yang telah bersedia dari awal lagi untuk menggubal Akta ini sebelum sesuatu peristiwa yang tidak diingini berlaku. Memandangkan Akta ini masih lagi relevan sehingga ke hari ini, maka kita seharusnya menyokong agar ia dikekalkan.